

PROGRAM “PENGGOMERSILAN LANDSKAP AIR YAYASAN UTHM” BERJAYA MENGETENGAHKAN KREATIVITI PELAJAR GOLONGAN B40

Disediakan Oleh:

Prof Madya Dr. Haryati Shafii & Prof Madya Sr. Dr. Azlina Md Yassin

11 JUN 2025, Program “PENGGOMERSILAN LANDSKAP AIR YAYASAN UTHM” anjuran bersama *Centre of Project, Property and Facilities Management Services (PROFMs)*, Kelab Realtors Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan dan Yayasan UTHM telah berjaya dilaksanakan bertempat di Big Stage Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM. Program yang mendapat tajaan daripada Yayasan UTHM ini telah berjaya menarik 100 orang pelajar dari golongan B40 dari Kelab Realtors, Jabatan Pengurusan Harta Tanah, FPTP untuk sama-sama merealisasikan “kreativiti & inovasi” mereka melalui pembangunan kertas cadangan untuk mengkomersilkan landskap air di dalam kampus.

Program yang dilaksanakan bersempena Real Estate Week 7.0, telah berjaya mengumpulkan 10 kertas cadangan daripada 10 kumpulan yang dibentuk dalam kalangan peserta yang terlibat. Dengan tema “mengkomersilkan Landskap Air UTHM”, pelbagai model landskap air telah berjaya dibangunkan dan dibentangkan bersama kertas kerja yang telah dibangunkan oleh kumpulan pelajar terlibat. Ironinya, 10 kumpulan pelajar ini telah dibimbing oleh penasihat projek yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan (FPTP). Jelasnya, kreativiti pelajar terserlah, apabila berjaya membentangkan model produk, perancangan projek, perancangan sumber manusia, perancangan kewangan dengan menerapkan unsur-unsur kelestarian alam sekitar.

Keunikan UTHM yang merupakan sebuah kampus yang dikelilingi oleh landskap air telah memberi idea kepada pelajar untuk melakar pelbagai idea untuk dikomersilkan. Antara cadangan pembangunan yang telah diketengahkan oleh kumpulan pelajar adalah *Coffee house*, kafetaria solar, Gimnasium terapung, pusat bacaan santai, ruang sewaan untuk majlis, pusat rekreasi, ladang agroponik, dan sebagainya.

Program yang telah dirasmikan oleh YBhg Gs. Dr. Edie Ezwan Bin Mohd Safian, Ketua Jabatan, Jabatan Pengurusan Harta Tanah, FPTP ini turut diserikan dengan kehadiran dua orang juri jemputan iaitu Sr. Norjariah Binti Arif dari ACEKL Valuers & Property Consultation (South) Sdn Bhd. dan Ts. Mahfouz Bin Mohd Dom, Eksekutif Syarikat Air Johor (SAJ) Cawangan Sri Gading, Batu Pahat, bersama Profesor Sr. Dr. Rozilah Binti Kasim selaku juri dalaman. Seterusnya, program “Pengkomersilan Landskap Air Yayasan UTHM” telah melabuhkan tirai dan ditutup oleh Profesor Sr. Dr. Rozilah Binti Kasim, Ketua *Centre of Project, Property and Facilities Management Services (PROFMs)*.




Foto 1: Perasmian Program “Pengkomersilan Landskap Air Yayasan UTHM”

Pengarah program “Pengkomersilan Landskap Air Yayasan UTHM”, Prof Madya Sr. Dr. Azlina Binti Md Yassin berkata, program ini diharapkan dapat memupuk minat pelajar kepada kreativiti dan inovasi di dalam bidang pelaburan dan pembangunan sumber air, serta memastikan pelajar sentiasa cakna terhadap keperluan kelestarian nilai ekonomi landskap air terutamanya di dalam kampus.



Foto 2: Aktiviti Sepanjang Program



Foto 3: Penutup Program dan Penyampaian Hadiah

Adalah diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang, bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar terhadap kelestarian landskap air di dalam kampus. Selain itu, diharapkan pihak UTHM umumnya, dan Yayasan UTHM khususnya agar dapat memulakan langkah positif untuk merealisasikan cadangan pengkomersilan landskap air UTHM bukan sahaja sebagai alternatif penjanaan pendapatan kampus, malahan untuk menjamin kelestarian dan nilai ekonomi landskap air itu sendiri yang penuh dengan keunikan semulajadi.

[#fptputhm](#)

[#uthmjohor](#)

[#UTHMproducesprofessionals](#)

[#GTU2030](#)